


**PARASITE MENEWASKAN FILEM LAIN**

# PARASITE

Parasite arahan Bong Joon-ho dipilih sebagai Filem Terbaik di Oscar, termasuk menang kategori Pengarah Terbaik, Filem Antarabangsa Terbaik dan Lakon Layar Terbaik. Parasite menewaskan filem hebat lain iaitu 1917, Joker, Ford v Ferrari, Marriage Story, Jojo Rabbit, The Irishman, Little Women dan Once Upon a Time.. In Hollywood.



**FESTIVAL FILM CANNES**



Sebelum ke Oscar, filem ini telah pun mendapat pengiktirafan di beberapa Festival Filem lain. Antaranya Di Festival Film Cannes 2019. Menjadikan namanya sudah di bina sebelum ke Oscar.

**JURANG KAYA DAN MISKIN**



Filem ini berkisar tentang jurang antara kaya dan miskin di Korea Selatan. Walaupun tidaklah sepenuhnya tepat, tetapi Parasite berjaya menunjukkan betapa jauh dan luasnya jurang itu. Parasite ingin menunjukkan bahawa tidak mudah untuk mengubah status quo itu.

**FILEM YANG SEMPURNA**



Oleh kerana masalah ini adalah permasalahan global yang dihadapi oleh semua orang, menyebabkan filem ini mudah difahami. Ditambah dengan cinematogarfi, screen playfilem yang sangat superb dan membawa nilai komedi gelap menaikkan aura adunan yang sempurna.

**KEY POINT KEJAYAAN FILEM INI**

Sebenarnya key point kejayaan filem ini adalah kemampuan membawa value tinggi yang berjaya menyentuh emosi dan pemikiran semua yang menonton. Kisah penindasan sang kaya terhadap sang miskin dan susahya mengubah sistem kapitalis iaitu yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin walaupun sekeras mana sang miskin berkerja. Ini sentimen yang di fahami oleh semua orang.

**BAHASA TIDAK MENJADI HALANGAN**



Di sini membuktikan kini, bahasa tidak menjadi halangan untuk mengetengahkan value yang universal. Filem ini sepenuhnya berbahasa Korea. Satu kata-kata menarik Joon-ho pengarah Filem ini semasa di anugerah Golden Globe. "Jika kamu buang tembok bahasa sebagai halangan, pasti di sana kamu akan diperkenalkan dengan filem-filem hebat lain."

**ORANG MENGAMBIL VALUE YANG TINGGI**

Kalau kita buka Netflix kini, mereka sudah membawa apa jua filem dari pelbagai negara selagi kisah filem itu ada value yang tinggi. Walaupun filem itu bukan berbahasa Inggeris. Sedarlah, kini adalah masa orang menilai dan ambil value yang tinggi bersama nilai yang baik. Bukan lagi dari mana ia datang. Datanglah dari Uganda pun jika ia bernilai pasti akan diambil oleh dunia kini.

**PENGAJARAN**

  
 Selalu ketengahkan value yang hebat.

  
 Yakin kita pun boleh berjaya.

  
 Bahasa bukan halangan untuk berjaya.

فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ

“Maka tetaplah engkau sebagaimana yang diperintahkan”

(hud: 112)